

GARISPANDUAN

KESIHATAN SUKERALAWAN PENGHANTARAN BARANG KEPERLUAN KE KOMUNITI

Disediakan oleh:



**Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia
(PPPKAM)**

Prof Madya Dr Mohd Hasni bin Jaafar (PPUKM)

4 April 2020



1.0 PENDAHULUAN

Pada 23 Januari 2020, tiga kes disyaki COVID-19 telah dilaporkan di negara ini. Sehingga 3 April 2020, sebanyak 3,333 kes telah disahkan dengan 53 kes kematian akibat COVID-19. Dan kini pihak kerajaan telah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 18 Mac 2020 hingga 1 April 2020.

Malangnya jumlah kes baru COVID-19 didapati terus meningkat menyebabkan pihak kerajaan mengenakan PKP Tahap 2 sehingga 15 April 2020. Pada akhir PKP Tahap 1 dan awal Tahap 2, kerajaan juga telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa lokasi panas COVID-19. Tujuan utama adalah untuk memutuskan rantai peredaran wabak COVID-19 yang dilaporkan di negara ini dengan lebih berkesan.

PKP yang telah dikuatkuasakan telah sedikit sebanyak menjejaskan sebilangan masyarakat yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang dari terus mencari rezeki untuk mereka dan keluarga mereka.

Hasil dari keprihatinan pelbagai pihak, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta dan individu, banyak bantuan telah disalurkan ke lokasi terjejas bagi meringankan beban sesama ahli masyarakat samada di bandar mahupun di desa.

Tujuan Garis panduan ini ialah untuk memastikan kesihatan semua sukarelawan yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan aktiviti kemanusiaan seperti penghantaran barangan keperluan harian kepada golongan terjejas.

2.0 KATEGORI PENERIMA BANTUAN

Secara amnya, penghantaran barangan harian ke lokasi terjejas boleh dibahagikan kepada dua kategori keluarga yang memerlukan seperti berikut:

2.1 Kategori Pertama

Keluarga miskin dari golongan B40 yang terjejas kerana tidak dapat mengusahakan sumber rezeki harian akibat PKP. Mereka ini tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk menyara keluarga. Mereka perlukan bantuan dari segi makanan dan barangan harian sepanjang PKP.

2.2 Kategori Kedua

Keluarga yang dikehendaki duduk di rumah akibat PKPD. Mereka ini terdiri dari keluarga miskin serta juga yang berkemampuan, tetapi tidak ada akses atau disekat untuk keluar membeli barangan harian mereka. Mereka perlukan bantuan atau sumbangan makanan atau barangan harian sepanjang PKPD.



3.0 SEBELUM PENGHANTARAN

3.1 Pusat Operasi Bantuan

Sebagaimana saranan Menteri, tugas penghantaran sebolehnya dijalankan dengan kerjasama agensi kerajaan seperti RELA dan Angkatan Pertahanan Malaysia (APM). Dari itu, satu pusat operasi yang sesuai untuk sukarelawan berkumpul dapat ditentukan sebelum aktiviti dijalankan. Jumlah sukarelawan berkumpul mestilah mematuhi arahan yang dikeluarkan sepanjang PKP.

Satu pusat khas pengumpulan barangan harian dari penderma serta sumbangan dari orang ramai perlu ditetapkan. Ini amat penting terutamanya bagi lokasi yang dikenakan PKPD yang mempunyai tahap risiko jangkitan yang lebih tinggi dari lokasi PKP.

Kesesuaian pusat pengumpulan adalah:

- 3.1.1 Sebaiknya terletak di luar atau di pinggir lokasi yang terjejas. Ia boleh terdiri dari rumah ketua kampung atau ketua blok yang tidak mempunyai kes COVID-19.
- 3.1.2 Keluasan kawasan atau lantai bersih yang mencukupi untuk meletakkan barangan bantuan harian tersebut. Namun sekiranya tiada, barangan diletakkan di belakang kenderaan 4WD, adalah selamat. Sepanjang di pusat ini, pastikan penjarakkan sosial dipatuhi di samping kebersihan diri dan basuh tangan dengan air bersih dan sabun.
- 3.1.3 Adanya kemudahan bilik mandi bagi sukarelawan mandi dan bersihkan diri selepas penghantaran. Perlu ada sumber air bersih dan sabun yang mencukupi (jika boleh di bawa dari rumah masing-masing).
- 3.1.4 Adanya kemudahan pembuangan penutup mulut dan hidung (*mask*) dan sarung tangan (*glove*) sebelum dihantar ke premis Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tujuan pelupusan.

3.2 Kelulusan Pergerakan dan Pengenalan Diri Sukarelawan

Para sukarelawan yang berdaftar akan diberikan kad keahlian dengan QR code keselamatan, bersama T-shirt rasmi. Semasa menjalankan tugas, setiap sukarelawan hendaklah membawa bersama-sama kad keahlian dan surat kebenaran pergerakan dari Ketua Pengarah Kesihatan (Lampiran A). Sebaiknya sekarelawan memakai T-shirt rasmi semasa bertugas.

3.3 Saringan Kategori Sukarelawan Sebelum Penghantaran

Setiap sukarelawan perlu mendaftar dengan agensi kerajaan atau pertubuhan masing masing untuk memastikan mereka sihat dan dibenarkan memasuki kawasan perumahan atau desa, tempat mereka ditugaskan setiap hari (Lampiran B). Umur sukarelawan hendaklah antara 18 hingga 65 tahun.



3.3.1 Sukarelawan Sihat

Mereka seharusnya sihat dan sesuai dengan aktiviti penghantaran bagi lokasi yang terjejas dengan PKP dan PKPD. Sukarelawan sihat seharusnya:

- a. Sihat tubuh badan (fisikal dan mental).
- b. Tiada sejarah penyakit kronik
- c. Mengamalkan kebersihan tubuh badan.
- d. Tidak merokok atau masalah penggunaan alkohol atau dadah

3.3.2 Sukarelawan Kurang Sihat

Mereka ini boleh dibenarkan bertugas di pusat pengumpulan yang telah ditentukan tanpa perlu memasuki lokasi terjejas. Sukarelawan kurang sihat yang dimaksudkan mempunyai masalah kesihatan seperti berikut:

- a. Berumur kurang dari 18 tahun atau lebih dari 65 tahun.
- b. Ada kecacatan fizikal yang ringan.
- c. Ada sejarah penyakit respiratori seperti semput (*chronic obstructive airway diseases, chronic bronchitis, chronic bronchiectasis, post COVID-19, post tuberculosis*).
- d. Mengalami penyakit kardiovaskular seperti darah tinggi, lemah jantung, penyakit iskemik jantung, pesakit dengan *pacemaker*, namun kesihatan terkawal dengan rawatan
- e. *Immunocompromise person* kerana mengalami kegagalan ginjal atau buah pinggang, malnutrisi, anemia, penyakit tiroid, penyakit diabetes, HIV/AIDS, namun kesihatan terkawal dengan rawatan
- f. Merokok.
- g. Kehamilan.
- h. Baru selesai menjalani kuarantin 14 hari (rumah, pusat kuarantin).

3.2.3 Sukarelawan Tidak Sihat

Mereka ini perlu dinasihatkan untuk pulang berehat di rumah masing-masing. Hanya boleh bertugas sekiranya bebas dari gejala seperti berikut:

- a. Mengalami demam, batuk, selsema, sesak nafas, atau cirit berit.
- b. Ada penyakit kronik yang tidak terkawal seperti darah tinggi yang bahaya, diabetes dengan paras glukosa yang tinggi atau keadaan seumpamanya.

4.0 HAL LOGISTIK AKTIVITI PENGHANTARAN

Pihak urusetia yang mengendalikan aktiviti sukarelawan ini hendaklah memastikan perkara berikut:

- 4.1 Jalinan kerjasama yang rasmi dengan agensi kerajaan (atau pertubuhan bukan kerajaan yang lain atau sektor swasta) yang berkenaan.
- 4.2 Pusat operasi yang sesuai.
- 4.3 Sediakan senarai nama individu atau organisasi yang memerlukan bantuan, khususnya bagi edaran bantuan pada hari yang berkenaan.



- 4.4 Hanya dua orang di dalam satu kenderaan.
- 4.5 Hadkan jumlah kenderaan yang memasuki lokasi terjejas.
- 4.6 Jumlah penutup muka (*mask*) yang mencukupi.
- 4.7 Jumlah bekalan *hand sanitiser* yang mencukupi.
- 4.8 Plastik hitam yang mencukupi untuk beg sampah.
- 4.9 Minum atau makan hanya dibenarkan sebelum mula penghantaran.

5.0 SEMASA AKTIVITI PENGHANTARAN

Sebelum membahagikan tugas penghantaran, semua sukarelawan hendaklah menjalani saringan kesihatan untuk meletakkan mereka dalam kategori yang betul dan selamat. Sepanjang penghantaran bahan keperluan tersebut, terus lakukan amalan berikut:

- 5.1 Pakai pakaian dan kasut yang sesuai.
- 5.2 Pakai penutup hidung dan mulut (*mask*).
- 5.3 Kerap membasuh tangan dengan air dan sabun atau bersihkan tangan dengan *hand sanitiser* selepas penghantaran ke setiap rumah.
- 5.4 Elakkan menyentuh muka sendiri terutama mulut, hidung dan mata
- 5.5 Kurangkan memegang apa-apa barangan termasuk bahan keperluan harian yang hendak disampaikan.
- 5.6 Kurangkan bersembang dengan orang dibantu dan sesama petugas.
- 5.7 Pastikan jarak selamat antara sukarelawan dengan orang yang dibantu.
- 5.8 Bersegera dalam melaksanakan urusan pengedaran.
- 5.9 Jangan merokok, makan atau minum sepanjang tempoh urusan penghantaran.
- 5.10 Habiskan pembahagian semua barangan keperluan yang dibawa.

6.0 SELEPAS AKTIVITI PENGHANTARAN

Sukarelawan dan kenderaan yang digunakan mungkin telah terdedah kepada virus COVID-19 semasa penghantaran dilakukan. Dari itu, sebaiknya semua penutup muka dan sarung tangan (jika pakai) hendaklah dibuang ke dalam beg sampah dua lapis dan dikumpulkan untuk dihantar ke premis KKM bagi tujuan pelupusan.

Sekiranya pusat operasi mempunyai fasiliti bilik mandi, semua sukarelawan dikehendaki mandi dengan air bersih dan sabun (sendiri) sebelum pulang ke rumah. Pakai pakaian bersih yang dibawa dari rumah selepas mandi. Jika pusat operasi tiada fasiliti tersebut, sukarelawan hendaklah mandi terlebih dahulu sejurus sampai di rumah dan elak dari menyentuh, memeluk anak atau ahli keluarga yang lain.

Semua pakaian yang telah digunakan semasa bertugas di pusat operasi atau semasa penghantaran bekalan, hendaklah direndam dalam bancuhan Clorox 1:10 air bersih. Dibasuh secara berasingan dengan pakaian ahli keluarga lain oleh sukarelawan itu sendiri.

7.0 PEMANTAUAN KESIHATAN 14 HARI DI RUMAH

Sukarelawan dikehendaki untuk memantau kesihatan diri sendiri sepanjang masa selama 14 hari selepas setiap aktiviti penghantaran bahan keperluan harian di lokasi



terjejas COVID-19. Pantau juga kesihatan ahli keluarga lain kerana dikhuatiri boleh terjangkit. Segera berjumpa pengamal perubatan di Klinik Kesihatan KKM yang terdekat bagi mendapatkan rawatan sekiranya ada mengalami tanda seperti berikut:

- 7.1 Demam panas.
- 7.2 Batuk atau sakit tekak.
- 7.3 Letih badan.
- 7.4 Hidung berair.
- 7.5 Sakit kepala.
- 7.6 Cirit birit.
- 7.7 Sesak nafas.
- 7.8 Hilang deria bau.



LAMPIRAN A

SURAT KEBENARAN BERTUGAS KEPADA PPPKAM BAGI MEMBANTU KKM SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA
 Kementerian Kesihatan Malaysia
 Anas 12, Blok E7, Kompleks E,
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62500 PUTRAJAYA
 Tel: 03-8900 8000
 Faks: 03-8930 5542
 Email: arshisham@moh.gov.my

Ruj Kami : KKM-500-146/12 JLD.1 ()
 Tarikh : 21 Mac 2020

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

SURAT KEBENARAN BERTUGAS BAGI MEMBANTU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENANGANI PENULARAN KLUSTER COVID-19 DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan peningkatan jumlah kes jangkitan dan penularan kluster COVID-19 di negara ini, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat bantuan anggota sukarelawan dari organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

3. Sehubungan itu, kerjasama dari pihak YBhg Datuk/ Dato'/Tuan/Puan dipohon bagi membenarkan pergerakan anggota NGO yang tersenarai di Lampiran 1 untuk tujuan menjalankan tugas di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia.

4. Kerjasama YBhg Datuk/ Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

Lampiran 1

SENARAI ORGANISASI BUKAN KERAJAAN (NGO) YANG MEMBANTU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENANGANI PENULARAN KLUSTER COVID-19

No	Nama
1	IMARET
2	MERCY Malaysia
3	Malaysian Relief Agency (MRA)
4	Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation Malaysia
5	Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)
6	Health Equity Initiatives and Solutions Berhad (HEI)
7	Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM)

PEKABAT TUMBUH AK KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESEHATAN AWAM)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
 DIVISION OF THE DEPUTY DIRECTOR GENERAL OF HEALTH (PUBLIC HEALTH)
 (DEPARTMENT OF PUBLIC HEALTH)
 MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA
 ANAS 12, BLOK E7, KOMPLEKS E
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 62500 PUTRAJAYA, MALAYSIA
 No. Tel : 03-8900 8000
 No. Fax : 03-8930 5542

Ruj. Kami : KKM-500-146/12 JLD.1 ()
 Tarikh : 21 Mac 2020

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

SURAT KEBENARAN BERTUGAS BAGI MEMBANTU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENANGANI PENULARAN KLUSTER COVID-19 DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas, dan surat Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia bertarikh 21 Mac 2020 adalah berkaitan.

2. Selaras dengan peningkatan jumlah kes jangkitan dan penularan kluster COVID-19 di negara ini, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Kesihatan Malaysia telah mendapat bantuan anggota sukarelawan dan organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berkaitan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa.

3. Sehubungan itu, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan tentang pertambahan jumlah NGO yang terlibat. Kerjasama dari pihak YBhg Datuk/ Dato'/Tuan/Puan dipohon bagi membenarkan pergerakan anggota NGO tersenarai di Lampiran 1 yang dikemaskini.

4. Kerjasama YBhg Datuk/ Dato'/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR. CHONG CHEE KHEONG)
 Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
 Kementerian Kesihatan Malaysia.

SENARAI ORGANISASI BUKAN KERAJAAN (NGO) YANG MEMBANTU KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENANGANI PENULARAN KLUSTER COVID-19

No	Nama
1	IMARET
2	MERCY Malaysia
3	Malaysian Relief Agency (MRA)
4	Taiwan Buddhist Tzu-Chi Foundation Malaysia
5	Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia (HALUAN)
6	Health Equity Initiatives and Solutions Berhad (HEI)
7	Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM)
8	Majlis Belia Malaysia (Malaysian Youth Council)
9	Pertubuhan IKRAM Malaysia
10	Community Volunteers COVID-19 (CVC 19)
11	Islamic Relief Malaysia (IRM)
12	Angkatan Belia Islam Malaysia (Muslim Youth Movement of Malaysia)

DR. CHAU PHING TOH
 DR. CHAU PHING TOH
 03012
 Ketua Pengarah Pengurusan
 Sektor INFEST/MSO C
 Bahagian Kawalan Penyakit
 Kementerian Kesihatan Malaysia





SARINGAN KATEGORI SUKARELAWAN SEBELUM PENGHANTARAN

